



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

5 Apr 2021 (Isnin)

Berita Harian

SPRM teliti unsur rasuah penguat kuasa, ejen haram 1

Harian Metro

Kempen bebas beg plastik raih RM6j 2

Saringan banteras Covid-19 3

Projek Edu Tablet santuni 30 keluarga 4

JSJ bakal tubuh pasukan khas 5

IMAM AN-NASAIIE DIMUSUHI KERANA CINTA AHLI BAIT 6

Kosmo

Kenapa sembunyi, bukan jalani hukuman gantung - Abdul Hamid 7

Selangor kutip RM6j caj setiap beg plastik 8

Sinar Harian

Luaskan pendaftaran Covid-19 9

Kehilangan isteri tidak patahkan semangat capai PhD 10

KDEBWM rangkul anugerah berprestij 11

PPP penting bina ekonomi negara 12

Selangor TV

1,300 Pek Permatang Peduli diagih, bantu penduduk terjejas 13

ADN Sungai Ramal seru penduduk daftar suntikan vaksin segera 14

Ibu bapa miliki anak OKU disaran mohon ANIS 15

Imunisel dalam SELangkah, bantu daftar vaksin Covid-19 16

Lestari alam sekitar tanpa beg plastik - ADN Permatang 17

Sinar Harian Online

YDP MDHS terima PhD Pengurusan Persekitaran 18

TV3

Caj Beg Plastik 20 Sen - Selangor Kutip RM6 Juta Sejak 2017 19

The Star

COUNCIL MATTERS 20

TRIAL PERIOD 21

The Sun

Need for central control over water supply 22

Shaping a greener Malaysia 23

The Malaysian Reserve

Selangor requests RM64b for public transport in 12MP 24

China Press

Ng Sze Han called on the public to be vaccinated at different levels, 25

Speed up the economic recovery 26

Hee Loy Sian: More than half of senior citizens, 26

Didn't pick up the shopping voucher 26

Selangor cattle turn to the New Year to decorate the new village competition, Sungai Pelek 27



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



New Village won 4 awards

Sin Chew Daily

3 Selangor GLCs awarded for outstanding services in Asean Business Awards 2020	28
SJK(C) Tche Min, Sungai Pelek's children's basketball court now available for use	29
Teddy bear rescued by Interceptor; Second Princess of Selangor likes river cleaning measure	30
There is fun and food in Pasar Borneo Seri Kembangan; Cuisine and handicraft from East Malaysia	31
Over 90% elderlies in Selangor still on the fence; 6 events in Pandamaran, only 150 people registered	32
Seri Kembangan voting center sends officials to disinfect several areas in Serdang	33
Mustapa : Income reduced due to effects of Covid-19 pandemic; "Wages will increase if economy recovers"	34
"Klang River Cleansing" activity stoped; EM mudballs can also be placed from homes	35
Kampung Baru Serdang pasar awam's hawker union's new venue opened	36
"I will not sign to receive substandard basketball court"; Ke Peng Fei criticises contractor for lack of maintenance and insufficiency	37

Guang Ming Daily

Selangor 3 GLCs,Awarded the ASEAN Interim Business Review	38
---	----



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

5 April 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	SPRM teliti unsur rasuah penguat kuasa, ejen haram
Muka Surat	:	3

Sisa buangan industri cemar sumber air

SPRM teliti unsur rasuah penguat kuasa, ejen haram

Kertas siasatan dibuka jika wujud komplot dalangi pencemaran di Lembah Klang

Oleh Ilah Hafiz Aziz
 illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan membuka kertas siasatan sekiranya terdapat anggota penguat kuasa berkomplot dengan ejen haram yang mendalangi pencemaran sumber air di Lembah Klang.

Ia susulan pendedahan oleh Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor, Aziah Jaafar semalam, bahawa ada ejen haram yang asalnya menjadi wakil syarikat, melupuskan sisa berjadual ke tempat terbuka termasuk sungai.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Azam Baki, berkata pihaknya sedang meneliti perkara itu dan tindakan segera akan diambil sekiranya wujud unsur rasuah.

“Berdasarkan laporan itu, kita tidak melihat lagi kesalahan di bawah bidang kuasa SPRM, melainkan sekiranya ada unsur rasuah yang dilakukan pihak berkuasa berkaitan yang melindungi ejen ini.

“Sekiranya ada pihak berkuasa yang bekerjasama dalam kegiatan melupuskan sisa kumbahan, kita akan masuk (siasat),” katanya ketika dihubungi *BH*.

Azam berkata, perbuatan mencemari alam sekitar seperti membuang sisa berjadual adalah perbuatan khianat dan tidak bertanggungjawab.

Beliau berkata, sebelum ini SPRM serta Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) mengadakan beberapa siri perbincangan berhubung isu pencemaran alam sekitar di negara ini.

“Untuk KASA memantau isu alam sekitar setiap 24 jam adalah

“Sekiranya ada pihak berkuasa yang bekerjasama dalam kegiatan melupuskan sisa kumbahan, kita akan masuk (siasat)”



Azam Baki,
Ketua Pesuruhjaya SPRM

mustahil tetapi sekiranya berlaku pencemaran sedemikian, kita perlu melihat semula aspek undang-undang,” katanya.

“JAS kena membabitkan diri dengan pihak yang dipertanggungjawabkan. Sudah tentu JAS tahu ke mana sisa itu akan dilupuskan, malah tahu jika ada pihak melakukan kerja-kerja pelupusan dengan murah,” katanya.

Pengarah SPRM Selangor, Datuk Alias Salim ketika dihubungi berkata, setakat ini tiada laporan diterima daripada JAS Selangor mengenai perkara itu.

Sementara itu, Presiden Per-

satuan Pemeriksa Fraud Bertauliah Malaysia, Datuk Seri Akhbar Satar, berkata SPRM wajar menyiasat mengenai kehadiran ejen haram dalam proses pelupusan sisa berjadual yang mengakibatkan pencemaran alam sekitar.

“Ada kemungkinan ini disebabkan unsur kecuaiian serta integriti. Selagi isu integriti tidak dapat diatasi, selagi itu kegiatan seperti ini akan berlaku kerana setiap kegiatan haram atau penipuan disebabkan kolaborasi antara orang dalam dan orang luar seperti pembabitian ejen haram,” katanya.



KERATAN AKHBAR

5 April 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Kempen bebas beg plastik raih RM6j
Muka Surat	:	8

Kempen bebas beg plastik raih RM6j

Tanjong Karang: Kempen Bebas Beg Plastik yang bermula 1 Januari 2017 oleh kerajaan Selangor berjaya mengutip RM6 juta menerusi caj 20 sen yang dikenakan terhadap orang ramai bagi setiap beg plastik.

Exco Hal Ehwal Agama Islam, Hal Ehwal Pengguna dan Industri Halal, Mohd Zawawi Ahmad Mughni berkata, jumlah itu akan digunakan untuk kempen kesedaran awam dan mendidik masyarakat supaya mengurangkan penggunaan beg plastik yang menjadi punca pencemaran alam sekitar.

Bagaimanapun, beliau berkata, tahap kesedaran orang ramai masih rendah yang mana sanggup membayar caj terbabit.

"Sebelum ini, kita lihat

masyarakat tidak kisah membayar 20 sen. Malah, ada yang mencadangkan supaya dinaikkan (caj beg plastik) sebanyak 50 sen.

"Untuk itu, kerajaan mengadakan pelbagai kempen kesedaran awam dan pendidikan untuk mendidik masyarakat supaya mengurangkan penggunaan beg plastik," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Majlis Pelancaran Beg Guna Semula (Bagus) di Pasar Pagi Pekan Tanjong Karang di sini, semalam.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Permatang, Rozana Zainal Abidin dan Setiausaha Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS), Muhammad Yusli Askandar.



ZAWAWI (kiri) mengedarkan beg Bagus kepada peniaga dan pengunjung ketika Majlis Pelancaran Beg Guna Semula (Bagus) di Pasar Pagi Pekan Tanjong Karang, semalam.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com




CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

5 April 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Saringan banteras Covid-19
Muka Surat	:	10



PETUGAS barisan hadapan melakukan ujian saringan Covid-19 terhadap orang ramai terutama penduduk Ampang ketika tinjauan di Dewan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Tasik Tambahan, semalam.



KERATAN AKHBAR		
5 April 2021		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Projek Edu Tablet santuni 30 keluarga
Muka Surat	:	33

Projek Edu Tablet santuni 30 keluarga

Pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Malaysia Outreach Volunteer Experience (MOVE) bersama The Bulb On Project (TBOP) dan Cinta Gaza Malaysia (CGM) dengan kerjasama kumpulan MyMisi dari Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) bagi kursus Khidmat Ummah di bawah subjek Pengantar Akhlak mengadakan program Projek Edu Tablet.

Program itu menyasarkan 30 set tablet untuk diberikan kepada 30 keluarga yang termasuk dalam kategori B40 dan asnaf. Serahan sumbangan berlangsung tiga minggu bermula 17 Februari lalu.

Pada setiap minggu 10 set tablet diagihkan kepada 10 keluarga. Pemberian sumbangan didatangkan sekali dengan meja lipat belajar, barangan asas dan kit pelitup muka dan sanitasi tangan.



ANTARA penerima manfaat Projek Edu Tablet.

Pengasas MOVE, Syed Zainal Abidin Jamalullail Syed Abdul Aziz berkata, dengan adanya tablet itu diharap ia dapat membantu melancarkan pembelajaran anak-anak golongan ini.

"Projek Edu Tablet ini adalah inisiatif kami untuk menyediakan alat bantuan

secara pembelajaran digital untuk keluarga B40 untuk anak-anak mereka belajar secara dalam talian.

"Dengan kerjasama rakan NGO lain, kami bersatu dapatkan dana dan menyantuni 30 keluarga. Syukur alhamdulillah, apabila jalankan projek ini,



SYED (dari kiri) menyerahkan sumbangan.

kami melihat sendiri ahli keluarga yang terpilih dan buat temu bual mereka," katanya.

Sementara itu, Ketua Kumpulan MyMisi, Mohammad Sudirman Mohd Tahir menyifatkan program yang diwujudkan dalam subjek Pengantar Akhlak di

bawah seliaan pensyarah, Dr Noraini Mohamad sesuatu yang bermanfaat dalam membentuk akhlak dan keperibadian mulia.

Malah, pelaksanaan Projek Edu Tablet itu sedikit sebanyak membuka mata ramai pihak apabila masih ramai yang memerlukan

bantuan.

"Program seumpama ini bukan sahaja dapat melahirkan individu berhati mulia, tapi dapat mewujudkan keperibadian dan akhlak yang murni bagi diterapkan dalam kehidupan seharian.

"Selaras objektif penganjuran program ini bagi membantu pelajar daripada keluarga asnaf dan B40 yang kurang berkemampuan membeli tablet bagi proses PdPR, saya menyifatkan projek ini berjaya.

"Dalam masa sama, membolehkan pelajar meneruskan persekolahan walaupun secara dalam talian dan meringankan beban keluarga asnaf dan B40 yang tidak dapat menyediakan tablet untuk anak mereka. Diharapkan projek sebegini dapat diteruskan pada masa akan datang," katanya.



KERATAN AKHBAR

4 April 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	JSJ bakal tubuh pasukan khas
Muka Surat	:	3

JSJ bakal tubuh pasukan khas

Kuala Lumpur: Polis menerusi Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) akan menubuhkan pasukan khas bagi melakukan siasatan semula berhubung dakwaan kewujudan kumpulan Geng Lanun Merah Black Maria 360 didakwa mengendalikannya aktiviti buang sampah, sisa toksik, pengedaran dadah dan penyeludupan pendatang asing tanpa izin (Pati) di sekitar Klang, Selangor.

Timbalan Pengarah JSJ Risikan/Operasi Bukit Aman Datuk Dev Kumar berkata, pihaknya pernah menerima maklumat kegiatan kumpulan itu pada 2019 sebelum siasatan dilakukan JSJ Bukit Aman bersama Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Klang Selatan.

"Antara dakwaan diterima adalah kumpulan ini dikatakan turut didalangi seorang pegawai kanan polis terbabit dengan kegiatan penyeludupan Pati, pemilikan senjata api, dadah serta ceti haram.

"Namun hasil siasatan dilakukan pada 2019 mendapati dakwaan terbabit tidak berasas sebe-

lum kes ditutup.

"Namun baru-baru ini, kami menerima maklumat berhubung dakwaan sama mengenai kegiatan kumpulan itu yang turut dikatakan membabitkan seorang pegawai polis dan kami tidak memandang ringan perkara ini.

"Disebabkan itu, kami menubuhkan pasukan khas bagi melakukan siasatan semula berhubung dakwaan berkenaan termasuk melakukan temu bual terhadap penduduk kampung di kawasan berkenaan bagi membantu siasatan," kata-

nya ketika ditemui, di sini, semalam.

Dev berkata, pihaknya tidak pasti punca dakwaan mengenai kumpulan berkenaan muncul semula selepas dua tahun perkara itu sudah diambil tindakan melalui siasatan dilakukan sebelum ini.

"Kita tidak menafikan ada kelong haram di kawasan berkenaan dan kita sudah maklumkan kepada Majlis Perbandaran Klang (MPK) dan polis akan bekerjasama dengan pihak ber-

kuasa tempatan (PBT) terbabit berhubung isu itu.

"Tindakan akan diambil terhadap mana-mana pihak yang terbabit dengan kegiatan haram di kawasan berkenaan bukan saja yang membabitkan kumpulan berkenaan secara khusus tetapi mana-mana kumpulan lain," katanya.

Beliau berkata, aktiviti kongsi gelap di negara ini tidak begitu membimbangkan seperti yang diuar-uarkan.

"Memang ada berlaku satu dua kes berkaitan kumpulan kongsi gelap, namun sudah banyak geng berkenaan diambil tindakan.

"Namun mungkin orang ramai bimbang berhubung perkara ini apabila ia dilaporkan media.

"Tindakan memberantas aktiviti kongsi gelap di negara ini akan dilakukan berterusan dengan mengambil tindakan mengikut Kanun Keseksaan atau Akta Pencegahan Jenayah (POCA) 1959," katanya.



"
Kita tidak
menafikan ada
kelong haram
di kawasan
berkenaan
Dev Kumar



KERATAN AKHBAR		
4 April 2021		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	IMAM AN-NASAIE DIMUSUHI KERANA CINTA AHLI BAIT
Muka Surat	:	15

LENTERA HADIS

IMAM AN-NASAIE DIMUSUHI KERANA CINTA AHLI BAIT



Melihat fahaman Nawasib yang fanatik kepada Muawiyah RA dan benci kepada Ali bin Abi Talib RA di Dimasyq masih kuat, beliau menulis kitab Khasa'is Ali RA bagi menyedarkan mereka kelebihan Saidina Ali RA

ntara pengarang al-Kutub as-Sittah yang luar biasa dan banyak mengembara serta menghafaz hadis ialah Imam an-Nasaie. Nama sebenarnya ialah Ahmad bin Sya'ib bin Ali bin Sinan bin Bahr al-Khurasani an-Nasaie.

Beliau dilahirkan di Nasa, Khurasan pada 215H. Beliau membesar dengan mendapat didikan agama daripada ulama di daerahnya. Semasa berumur 15 tahun, beliau mula mengembara mencari hadis ke pelbagai daerah seperti Khurasan, Hijaz, Iraq, Mesir, Syam dan al-Jazirah.


Antara gurunya ialah Qutaibah bin Said, Ishaq bin Rahuyah, Hisyam bin Ammar, Muhammad bin Nadhr bin Musawir, Suwaid bin Nasr, Ahmad bin 'Abdallah ad-Dabbi, Abu at-Tahir bin as-Sarh, Ishaq bin Syahin, al-Harith bin Miskin, Ziyad bin Ayyub, Mahmud bin Ghaylan, Ishaq bin Musa al-Ansari, Abu Dawud dan at-Tirmizi.

Imam an-Nasaie mempunyai hafalan yang cukup mantap hingga mampu meriwayatkan banyak hadis. Beliau mengumpulkannya dan menapis secara teliti. Beliau termasuk ulama hadis yang agak ketat dalam mengenakan syarat terhadap perawi bagi menetapkan kriteria riwayat yang diterima atau ditolak. Saad bin Ali az-Zanjani berkomentar, ada persyaratan yang dibuat oleh an-Nasaie lebih ketat berbanding persyaratan al-Bukhari dan Muslim.

Abu Ali an-Naisaburi berkata: "Beliau tergolong daripada kalangan imam kaum Muslimin." Katanya lagi: "Beliau adalah imam dalam bidang hadis tanpa ada lagi pertikaian."

Ad-Daraqutni berkata: "An-Nasaie lebih diutamakan ke atas semua nama yang disebutkan dalam disiplin ilmu ini daripada kalangan mereka yang hidup pada zamannya." Beliau berkata lagi: "An-Nasaie adalah syeikh Mesir yang paling faqih pada zamannya, paling mengetahui tentang hadis sahih dan daif serta paling arif mengenai perawi."

Antara karya beliau ialah as-Sunan al-Kubra, as-Sunan al-Sughra, Khasa'is Ali RA, Musnad Ali RA, Fadha'il al-Quran, al-Manasik, Kitab at-Tafsir, ad-Dhu'afa wal Matrakin, Amal



ADA pendapat menyatakan jasad Imam an-Nasaie dibeekbumikan di Baitul Maqdis.

An-Nasaie lebih diutamakan ke atas semua nama yang disebutkan dalam disiplin ilmu ini daripada kalangan mereka yang hidup pada zamannya"

Ad-Daraqutni

al-Yaum wal-Lailah, Kitab al-Jumu'ah, al-Kuna dan Tasmiyat Fuqaha' al-Amsar min as-Sahabah.

Antara perkara yang masyhur diketahui, kitab as-Sunan as-Sughra adalah ringkasan daripada as-Sunan al-Kubra. Namun, ada yang mengatakan ia karya berasingan kerana terdapat hadis tambahan yang tidak ada di dalam as-Sunan al-Kubra. Bagaimanapun, pandangan ini boleh disatukan dengan menyatakan ia adalah ringkasan daripada as-Sunan al-Kubra beserta penambahan lain. Sebab itu as-Sunan as-Sughra juga dinamakan sebagai al-Mujtaba' yang bermaksud 'yang dipilih'. Kitab inilah yang dikenali sebagai Sunan an-Nasaie dalam kalangan ulama mutaakhirin. Bagaimanapun, Sunan an-Nasaie di sisi ulama mutaqaiddimin

adalah merujuk kepada as-Sunan al-Kubra beliau.

Sebenarnya kisah yang menyatakan beliau diminta oleh Gabenor Ramlah supaya memilih dan mengumpulkan hadis sahih sahaja daripada as-Sunan al-Kubra belum dapat dipastikan kesahihannya. Buktinya, masih terdapat hadis daif di dalam as-Sunan as-Sughra, walaupun bilangannya sedikit.

Beliau membahagikan kitab Sunannya kepada 52 kitab kecil berdasarkan topik fiqh dan setiap kitab kecil dipecahkan pula kepada bab. Keseluruhannya mengandungi sebanyak 5,761 hadis.

Antara murid beliau ialah at-Tabarani, al-Tahawi, Ahmad bin Muhammad bin Ismail al-Nahhas, al-Hasan bin al-Khidr al-Asyuti, Muhammad bin Musa al-Ma'muni, Muhammad bin Ahmad bin al-Haddad, al-Hasan bin Rasyiq, Abu Bisyr ad-Dulabi, Abu 'Ali an-Naisaburi, Hamzah bin Muhammad al-Kinani dan Abu Bakr Ibn as-Sunni, periwayat kitab Sunannya.

Beliau seorang yang alim, zuhud dan kuat beribadat kepada Allah SWT. Beliau menetap di Mesir sehingga 302H, dan tiga setengah bulan sebelum wafat, an-Nasaie berpindah ke Dimasyq.

Imam an-Nasaie seorang yang cintakan Ahli Bait Nabi SAW.

Apabila melihat fahaman Nawasib yang fanatik kepada Muawiyah RA dan benci kepada Ali bin Abi Talib RA di Dimasyq masih kuat, beliau menulis kitab Khasa'is Ali RA bagi menyedarkan mereka mengenai kelebihan Saidina Ali RA. Berpunca daripada situ, golongan Nawasib akhirnya menyerbu dan memukulnya semasa di masjid. Beliau yang sudah lanjut usia mengalami kecederaan teruk hingga menyebabkan meninggal dunia pada usia 88 tahun.

Terdapat perselisihan pendapat mengenai tempat pengebumiannya. Menurut muridnya, Abu Said Ibn Yunus, beliau meninggal dunia di Ramlah, Palestin pada Isnin 13 Safar 303H, dan dibeekbumikan di Baitul Maqdis. Pendapat ini turut didokong oleh Ibn an-Nuqtah dan az-Zahabi. Sementara ad-Daraqutni menyatakan, an-Nasaie ingin ke Makkah untuk menunaikan haji, namun semasa di Dimasyq beliau mendapat ujian berat. Beliau berpesan untuk segera dibawa ke Makkah. Sesampainya di sana beliau meninggal dunia lalu dikuburkan di antara Safa dan Marwah.

Penulis Ketua Unit Hadis di Institut Kajian Hadis & Akidah (Inhad), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (Kuis)



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com




CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

5 April 2021

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Kenapa sembunyi, bukan jalani hukuman gantung - Abdul Hamid
Muka Surat	:	2



SAJAT digesa keluar dari tempat persembunyian dan berhadapan dengan kes di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam.

Kenapa sembunyi, bukan jalani hukuman gantung – Abdul Hamid

LANGKAWI – Polis meminta usahawan kontroversi, Nur Sajat atau nama sebenarnya, Muhammad Sajjad Kamaruzzaman agar keluar dari tempat persembunyian seterusnya berhadapan dengan kes di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador berkata, buat masa ini, belum ada sebarang perkembangan tentang kedudukan usahawan tersebut.

"Dia (Sajat) masih bersembunyi, kalau dia hendak muat naik aktiviti dia, tidak apa lah, kita tunggu kerana jerat tidak akan lupa pelanduk.

"Dia (akan) baliklah," katanya selepas merasmikan Unit Anjing Pengesanan K9 di Pit Latihan Seksyen K9 di sini semalam.

Mengulas lanjut, Abdul Hamid berkata, beliau hairan mengapa Sajat mengambil tindakan

bersembunyi kerana dia tidak berdepan hukuman berat.

"Dia tidak berdepan dengan satu hukuman yang membolehkannya dipenjarakan 20 tahun atau hukuman gantung," ujarnya.

Menurut beliau, Sajat juga diminta tidak lagi mencuit hati dan perasaan masyarakat dengan memuat naik video di media sosial.

"Saya tahu itu hak peribadi, tetapi janganlah bila berada di luar negara iaitu tempat persembunyiannya, dia masih lagi nak mencuit perasaan orang.

"Cukuplah, balikkah dan pergi ke mahkamah," jelasnya.

Kosmo! sebelum ini melaporkan Sajat berkemungkinan berada di luar negara selepas waran tangkap ke atasnya dikeluarkan Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam pada 23 Februari lalu.

Usaha mengesan Sajat dite-

ruskan dengan kerjasama Polis Selangor dan Jabatan Agama Islam Selangor.

Dalam pada itu, Pasukan Gerakan Am Briged Utara tidak menolak kemungkinan Sajat menyamar sebagai individu lain bagi mengaburi mata pihak berkuasa.

Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam mengeluarkan waran tangkap terhadap Sajat kerana gagal hadir di mahkamah.

Dia didakwa berpakaian wanita di sebuah majlis keagamaan di sebuah pusat kecantikan di Shah Alam sehingga menyebabkan agama Islam dipandang hina.

Sajat didakwa mengikut Seksyen 10 (a) Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 yang memperuntukkan denda maksimum RM5,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, jika disabit kesalahan.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 5 April 2021

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Selangor kutip RM6j caj setiap beg plastik
Muka Surat	:	6



KESEDARAN rakyat Selangor mengenai kempen Bebas Plastik sejak 2017 masih rendah. – GAMBAR HIASAN

Selangor kutip RM6j caj setiap beg plastik

Oleh **ISKANDAR SHAH MOHAMED**

KUALA SELANGOR – Lebih RM6 juta sudah dikutip daripada orang ramai menerusi caj 20 sen bagi setiap beg plastik di Selangor sejak 2017.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Hal Ehwal Pengguna dan Industri Halal negeri, Mohd. Zawawi Ahmad Mughni berkata, jumlah kutipan itu diperoleh sejak pelaksanaan kempen Bebas Plastik bermula Januari 2017.

Katanya, keadaan itu menunjukkan tahap kesedaran orang

ramai masih rendah dan sanggup membayar caj berkenaan.

"Hasrat utama kerajaan negeri bertujuan mengurangkan penggunaan beg plastik yang menyebabkan pencemaran alam sekitar.

"Namun, pengguna masih tidak kisah membayar caj 20 sen itu dan kita menggunakan hasil kutipan yang diperoleh untuk melaksanakan pelbagai kempen kesedaran dan pendidikan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan Beg Guna Semula (Bagus) di Pasar Awam

Tanjong Karang, Tanjong Karang, di sini semalam.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri Permatang, Rozana Zainal Abidin dan Setiausaha Majlis Daerah Kuala Selangor, Muhamad Yusli Askandar.

Bermula 1 Januari 2017, Kerajaan Selangor menguatkuasakan larangan penggunaan beg plastik dan polisterin setiap hari bagi semua pusat komersial utama di negeri itu.

Namun, pengguna yang masih mahu menggunakannya perlu membayar tambahan 20 sen bagi setiap satu beg plastik.



KERATAN AKHBAR		
5 April 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Luaskan pendaftaran Covid-19
Muka Surat	:	23

Luaskan pendaftaran Covid-19

Sistem Imunisel akan digerakkan pemimpin setempat

Oleh **ASYRAF MUHAMMAD**

PUCHONG

Kerajaan negeri melancarkan Program Outreach Imunisasi Covid-19 Selangor (Imunisel) dalam usaha bagi meluaskan capaian untuk pendaftaran vaksin Covid-19.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, Imunisel merupakan sistem yang akan digerakkan oleh pemimpin setempat antaranya Pejabat Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri (DUN) dan parlimen, ahli majlis, ketua kampung atau wakil penduduk di negeri ini untuk membantu

setiap pihak berkecualan untuk mendaftar bagi pengambilan vaksin tersebut.

Beliau berkata, usaha ini merupakan antara beberapa program yang diatur dan disusun oleh kerajaan negeri bagi menangani pandemik Covid-19 di Selangor.

"Kita adalah antara negeri yang mempunyai pelan dan perancangan strategik sendiri untuk melawan Covid-19 dan ini merupakan salah satu usaha yang dilaksanakan oleh Pasukan Petugas Pencegahan Covid-19 Selangor (STFC)," katanya pada sidang media selepas pelancaran program berkenaan yang berlangsung di Dataran Puchong Permai, pada Ahad.

Hadir sama bagi menyaksikan pelancaran Program Imunisel itu adalah Pengerusi STFC, Datuk Seri Dr Dzulkefly dan Exco Kesihatan Awam, Perpaduan, Pembangunan Wanita dan Keluarga Selangor, Dr Siti Ma-



Amirudin (tiga dari kiri) merakamkan gambar selepas membuat gimik pelancaran Imunisel di Dataran Puchong Permai, pada Ahad.

riah Mahmud.

Dalam pada itu, mengulas lanjut mengenai Imunisel, Mariah berkata, program itu berperanan bagi membantu golongan yang tidak mempunyai akses kepada telefon pintar untuk mendaftar bagi pengam-

bilan vaksin Covid-19.

"Menurut data Jabatan Perangkaan pada 2019, sekitar 37 peratus isi rumah di Selangor tidak mempunyai capaian kepada telefon pintar dan disebabkan itulah program ini diwujudkan.

"Melalui program ini, kita membantu golongan ini untuk mendaftar bagi pengambilan vaksin secara manual melalui kaunter-kaunter dan juga kad Imunisel yang kita sediakan," katanya.

Ketika mengulas mengenai perkembangan kes Covid-19 di Selangor, Dzulkefly melalui ucapannya berkata, STFC akan terus komited melaksanakan program saringan bagi melindungi komuniti dan juga masyarakat.

Beliau berkata, STFC tidak khuatir untuk melaksanakan saringan itu walaupun jumlah kes harian Covid-19 di negeri ini masih tinggi.

"Sebelum ini juga, saya sudah mengesyorkan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) agar tidak menguar-guarakan jumlah kes harian kepada umum kerana apa yang mustahak rakyat tahu adalah kadar kes," katanya.



KERATAN AKHBAR

5 April 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Kehilangan isteri tidak patahkan semangat capai PhD
Muka Surat	:	24

Kehilangan isteri tidak patahkan semangat capai PhD

BANGI - Kehilangan isteri tersayang yang tidak pernah mematahkan semangat Yang Dipertua Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS), Dr Azhar Mohamed Ali untuk meraih kejayaan cemerlang di peringkat Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam Bidang Pengurusan Persekitaran.



AZHAR

Azhar, 47, antara dua daripada enam graduan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dalam bidang Pengurusan Persekitaran memperoleh PhD dengan status *Grad On Time* (GOT) dan dianugerahkan Anugerah Tesis Cemerlang oleh pihak universiti.

Menurut Azhar, pemergian isterinya, Allahyarhamah Noreana Jamal akibat penyakit asma kira-kira tiga tahun lalu di samping kesemua anaknya

yang masih kecil antara ujian yang terpaksa ditempuhnya sepanjang tempoh pengajian.

“Alhamdulillah semuanya berjalan lancar dan saya akhirnya dapat menyiapkan penyelidikan PhD,” katanya kepada

Sinar Harian pada Sabtu.

Bapa empat anak itu berkata, disiplin yang tinggi antara resipi kejayaan beliau untuk meraih kejayaan cemerlang.

“Saya amat berterima kasih kepada seluruh ahli keluarga, pihak UKM, penyelia dan rakan yang sentiasa membantu dan berdoa untuk kejayaan ini,” katanya.

Istiadat Konvokesyen UKM ke-48 membuka tirainya pada Sabtu hingga 12 April di Kampus Induk UKM, Bangi.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

5 April 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	KDEBWM rangkul anugerah berprestij
Muka Surat	:	29

KDEBWM rangkul anugerah berprestij

KUALA LUMPUR - KDEB Waste Management (KDEB-WM) berjaya merangkul anugerah International Business Review ASEAN 2020 bagi Kategori Kecemerlangan Korporat dalam Sektor Utiliti oleh The IBR Asia Group.

Ketua Media dan Perhubungan Awamnya, Mahfuzzah Muhamad Tarmidi berkata, anugerah berprestij itu disampaikan kepada KDEBWM atas prestasi cemerlang dalam mentransformasikan industri sampah di negeri ini.

Menurutnya, KDEBWM berjaya menerapkan model perniagaan pengurusan sisa pintar melalui penggunaan teknologi pintar dan Internet of Things (IoT) dalam operasi

harian.

“Pengiktirafan berprestij dari The IBR Asia Group ini menambah lagi pengiktirafan yang diterima KDEBWM pada tahun lalu,” katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari mewakili kerajaan Selangor bersama ahli-ahli Lembaga Pengarah KDEBWM hadir menerima anugerah tersebut pada majlis yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL).

Mahfuzzah berkata, selain anugerah itu, KDEBWM turut menerima pengiktirafan dari Frost and Sullivan pada Julai tahun lalu.

“Kejayaan ini bukan saha-

ja menjadi pembakar semangat bagi KDEBWM bagi permulaan tahun 2021 ini, bahkan menjadi pemangkin bagi KDEBWM untuk terus memberikan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang terbaik.

“KDEBWM harap dapat memperkembangkan perkhidmatan di seluruh Malaysia dan antarabangsa termasuk perancangan membina loji pelupusan Sisa Pepejal kepada Tenaga di Selangor,” katanya.

KDEBWM merupakan anak syarikat milik penuh kerajaan negeri Selangor yang bertanggungjawab melakukan kerja-kerja kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri ini.



Amirudin (tiga dari kanan) hadir pada majlis yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL).



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
5 April 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	PPP penting bina ekonomi negara
Muka Surat	:	29

PPP penting bina ekonomi negara

Rancangan Malaysia Ke-12 akan menjadikan ekonomi Malaysia lebih berdaya tahan

KUALA LUMPUR

Perkongsian awam-swasta (PPP) yang lebih meluas perlu untuk memacu ekonomi negara dan ia akan menjadi lebih penting pada tahun-tahun akan datang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) Datuk Seri Mustapa Mohamed ketika membuat seruan itu berkata, walaupun kerajaan telah mewujudkan perancangan dan dasar bagi membantu ekonomi nega-

ra ini berkembang tetapi kerajaan tidak boleh melakukannya secara bersendirian.

"Kita boleh menetapkan hala tuju dan merancang laluan tetapi pemacu utama tetap terdiri daripada sektor swasta, bermula daripada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) terkecil sehingga kepada syarikat multinasional gergasi.

"Kita boleh membina jalan, tetapi anda perlu memacu ekonomi ke hadapan," katanya pada Anugerah Tinjauan Perniagaan Antarabangsa ASEAN 2020 di sini pada Jumaat.

Majlis anjuran IBR Asia Group itu dibuat bagi mengiktiraf usaha dan sumbangan organisasi daripada sektor swasta dan awam kepada negara.

Menurut Mustapa, dalam tempoh lima tahun akan datang, kerajaan melalui Rancangan

Malaysia Ke-12 akan memperkenalkan beberapa pembaharuan untuk menjadikan ekonomi Malaysia lebih berdaya tahan dan mampan.

Pendigitalan, reformasi pasaran buruh, pembasmian kemiskinan, pengoptimuman sektor awam dan pemupukan bakat, antara lain akan memastikan produktiviti serta daya saing Malaysia mempunyai kelebihan berbanding negara lain, katanya.



"Di luar Malaysia, kita juga perlu menyedari bahawa kita adalah sebahagian daripada komuniti yang lebih besar iaitu ASEAN. Sebagai salah sebuah negara pengasas ASEAN, Malaysia perlu melangkah ke hadapan dan menjadi peneraju," tegasnya.

Malaysia perlu bekerjasama dan mengurangkan halangan perdagangan untuk meningkatkan taraf sosioekonomi rakyatnya.

Akan datang, rantau ASEAN bakal menjadi kuasa besar ekonomi dengan gabungan Keluaran Dalam Negara

Kasar sebanyak US\$3.1 trilion pada 2020, penduduk seramai 717 juta dan tenaga buruh sebanyak 335 juta.

Pada acara tersebut, Pengasas dan Pengerusi Eksekutif Top Glove Corporation, Tan Sri Lim Wee Chai diberi penghormatan dengan Anugerah Pencapaian Sepanjang Hayat atas visi dan kepimpinan beliau dalam industri bagi meningkatkan reputasi negara.

Anugerah itu disampaikan oleh Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari.

Dalam perkembangan lain, sebanyak 20 syarikat daripada pelbagai industri telah dicalonkan sebagai penerima Kecemerlangan Korporat di Anugerah IBR ASEAN 2020.

Antaranya adalah KDEB Waste Management Sdn Bhd, Kumpulan Semesta Sdn Bhd, World Trade Centre Kuala Lumpur, Sun Life Malaysia, Celcom Axiata Bhd dan BIMB Holdings Bhd. - *Bernama*



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

4 April 2021

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	1,300 Pek Permatang Peduli diagih, bantu penduduk terjejas
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

4 April 2021

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	ADN Sungai Ramal seru penduduk daftar suntikan vaksin segera
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

4 April 2021

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Ibu bapa miliki anak OKU disaran mohon ANIS
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

4 April 2021

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Imunisel dalam SELangkah, bantu daftar vaksin Covid-19
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

4 April 2021

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Lestari alam sekitar tanpa beg plastik - ADN Pematang
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
4 April 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian Online
Tajuk Berita	:	YDP MDHS terima PhD Pengurusan Persekitaran
Muka Surat	:	-

